

PELABUHAN KLANG, 2 Jun (Bernama) -- Pelabuhan Barat di Pulau Indah di sini amat penting untuk ekonomi negara bagi menampung peningkatan pesat perdagangan melalui kegiatan perkapalan dan pelabuhan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Dr Mahathir berkata, ini kerana kini Malaysia masih kekurangan kemudahan pelabuhan bagi menampung peningkatan kegiatan perkapalan yang pesat itu.

"Saya percaya Pelabuhan Barat ini akan mencapai matlamat daripada segi persiapannya," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Pelabuhan Barat, komponen terbaru Pelabuhan Klang.

Beliau berkata, ia akan dapat meningkatkan lagi bilangan kapal (yang berlabuh dan berurusan di negara ini) yang dengan sendirinya akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Dr Mahathir yang pertama kali mengadakan lawatan ke pelabuhan itu, puas hati terhadap kemajuan kerja pembinaan pelabuhan itu yang keseluruhan projeknya menelan belanja RM1,500 juta.

Pada lawatan itu, beliau diiringi Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Pengerusi Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Datuk Micheal Chen. -- Lagi.

▼02/06/19-52MST

U GB 02-06 00136 BH336

AAB

Mahathir - Pelabuhan 2 Pelabuhan Klang

Sebelum meninjau sekitar kawasan Pelabuhan Klang dengan bot, Dr Mahathir terlebih dulu diberikan taklimat mengenai Pelabuhan Barat di tapak projek oleh Pengurus Besar LPK, Encik M. Rajasingam.

Rajasingam berkata, fasa pertama Pelabuhan Barat, laluan keluar masuk terbaru di Pelabuhan Klang, akan beroperasi Oktober ini mengikut jadual.

Katanya, fasa pertama itu mengandungi tiga dermaga kontena dan kargo am dan dua dermaga pukal cecair.

"Fasa kedua pula akan mula beroperasi pada akhir Disember 1995," katanya dalam teks taklimat itu yang diedarkan kepada pemberita yang membuat liputan lawatan itu.

Beliau berkata, fasa kedua itu akan mengandungi empat dermaga kontena dan kargo am, dua dermaga pukal kering dan satu dermaga gas petroleum cecair (LPG), manakala pembangunan fasa ketiga akan ditentukan kemudian. -- Lagi.

▼02/06/20-01MST

U GB 02-06 00184 BH337

AAB

Mahathir - Pelabuhan 3 (Akhir) Pelabuhan Klang

Rajasingam berkata, keseluruhan Pelabuhan Barat itu akan mengandungi dermaga-dermaga khas untuk kontena, kargo am, pukal cecair, pukal kering serta LPG yang mampu menerima kapal-kapal sehingga seberat 80,000 tan.

Katanya, projek Pelabuhan Barat dibiayai sepenuhnya daripada kekukuhan kedudukan kewangan LPK tanpa membuat sebarang pinjaman.

Beliau berkata, Pelabuhan Barat, yang lebih besar daripada dua lagi komponen Pelabuhan Klang iaitu Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Selatan, dibina bagi mempersiapkan pelabuhan utama negara sehingga ke abad ke-21.

"Bagi mengimbangi purata kadar pertumbuhan pengendalian kargo di Pelabuhan Klang sebanyak 6.6 peratus sehingga tahun 2000, LPK telah menyiapkan diri dengan laluan baru Pelabuhan Barat," katanya sambil menambah kata bahawa Pelabuhan Klang dijangka mengendalikan sebanyak 89.7 juta tan kargo menjelang tahun 2010.

Kini, Pelabuhan Klang, menjalankan kegiatan perdagangan dengan lebih 120 buah negara dan lebih 600 syarikat perkapalan singgah di pelabuhan itu.

Tahun lepas Pelabuhan Klang mengendalikan 30.83 juta tan kargo iaitu peningkatan sebanyak 8.6 peratus berbanding 1992, meliputi 20 juta tan import dan 10.8 juta tan eksport. -- Bernama